

Sungai Muar Laluan Air Penting dalam Penubuhan Awal Kg. Pasir Besar, Gemas, Negeri Sembilan

Farrah Wahida Mustafar dan Abd Aziz A'zmi

Pusat Asasi dan Pengajian Umum, Universiti Melaka
farrahwahida@unimel.edu.my; abdaziz@unimel.edu.my

ABSTRAK

Laluan air atau sungai merupakan jalan perhubungan diantara lokasi dengan lokasi yang lain sangat penting dalam sejarah manusia. Antara sungai yang menjadi pintu laluan utama dari Selat Melaka di selatan Tanah Melayu ialah Sungai Muar. Terdapat banyak kajian membuktikan laluan Sungai Muar menjadi laluan utama bagi orang Minangkabau dari Sumatera Barat ke Negeri Sembilan dan laluan bagi pedagang-pedagang ke Laluan Penarikan yang telah bermula sejak berabad-abad yang lalu. Walau bagaimanapun, terdapat pelbagai pandangan tentang teori penghijrahan orang Minangkabau yang dipercayai menggunakan Sungai Linggi, Sungai Rembau, Sungai Muar hingga Sungai Serting, kemudian diteruskan ke Laluan Penarikan, Sungai Serting hingga Sungai Pahang dan masuk ke Sungai Teriang dan kemudian Sungai Teriang terus ke daerah Jelebu. Objektif kajian ini ialah untuk meneroka laluan air melalui Sungai Muar sebagai laluan penghijrahan orang Minangkabau ke Negeri Sembilan khususnya di Pasir Besar dan untuk meneliti jenis pengangkutan yang telah digunakan melalui laluan air tersebut. Kajian kepustakaan dijalankan bagi mengumpulkan bahan-bahan sumber sekunder melalui kajian-kajian terdahulu. Hasil kajian ini dikumpulkan dan dihuraikan secara deskriptif bagi memperlihatkan peranan Sungai Muar yang boleh dikaitkan dengan sejarah Pasir Besar dan aktiviti masyarakatnya sekitar latar masa penubuhan kerajaan negeri tersebut. Dapatan kajian mendapati bahawa laluan air Sungai Muar menerusi beberapa kawasan di Negeri Sembilan terus ke Laluan Penarikan dan berakhir di Sungai Pahang merupakan salah satu jalan pintasan yang menunjukkan secara tidak langsung telah berlaku pengaruh luar dan interaksi antara pedagang dengan masyarakat di Pasir Besar yang telah menjadi salah satu hentian para pedagang pada waktu itu. Kapal lancang merupakan kapal yang digunakan melalui sungai tersebut bagi membawa barang dagangan antara pelabuhan di alam Melayu.

Kata kunci: Sungai Muar, Minangkabau, Pasir Besar, kapal

PENGENALAN

Kebanyakan kerajaan awal tradisional atau pusat bermulanya ketamadunan diasaskan berhampiran kawasan perairan sama ada laut atau sungai yang besar. Sumber air amat penting dan menjadi salah satu kriteria utama dalam pembinaan sesebuah kerajaan awal masa lampau disebabkan kepentingannya dalam pelbagai aktiviti ekonomi dan sosial. Sebagaimana tamadun China yang terletak di Lembah Sungai Huang He, tamadun India terletak di Lembah Sungai Indus, kerajaan-kerajaan di Alam Melayu juga terbina berhampiran sumber air utama di sesuatu kawasan seperti kerajaan Melayu Melaka, Srivijaya, Johor, Aceh, Pagar Ruyung dan Perak.

Jalan air merupakan medium utama kaedah penghijrahan khususnya melalui Sungai Muar. Ianya bukanlah sesuatu yang pelik disebabkan keadaan geografi Alam Melayu yang terdiri daripada tanah besar, kepulauan besar dan ribuan pulau-pulau kecil. Keadaan ini menjadikan masyarakat ketika itu terpisah oleh laut luas. Laluan dan pengangkutan air adalah kaedah utama pergerakan pelbagai aktiviti di Alam Melayu. Maka sebahagian masyarakat amat arif dalam ilmu pelayaran dan selok-belok lautan dan sungai di sekitarnya. Penggunaan laluan air jelas menunjukkan

kepentingannya sebagai medium pengangkutan utama bagi menghubungkan dari satu kawasan ke kawasan yang lain. Malahan, jalan air adalah laluan utama pada waktu itu bagi pelbagai urusan sama ada perdagangan, dakwah, urusan diplomasi, peperangan dan penghijrahan dari satu tempat ke tempat yang lain.

Dalam konteks kerajaan awal di Negeri Sembilan, kerajaan kecil tradisional muncul di Rembau, Seri Menanti, Naning, Johol dan lain-lain. Kemunculan kerajaan dan pembesarnya amat berkait rapat dengan penghijrahan orang-orang Minangkabau dari Pagar Ruyung di Sumatera melalui jalan air. Selain daripada merentasi Selat Melaka, mereka melalui sungai-sungai utama seperti Sungai Muar, Sungai Melaka dan Sungai Linggi mudik ke hulu dan membuka petempatan sehingga terbinanya kerajaan awal di lokasi-lokasi yang bersesuaian.


Sebelum tertubuhnya Negeri Sembilan moden pada 1889 hasil penyatuan secara formal beberapa buah wilayah, negeri ini asalnya terdiri daripada kawasan-kawasan pentadbiran tradisional yang digelar luak. Sembilan luak yang terdapat di Negeri Sembilan adalah Rembau, Sungai Ujong, Jelebu, Johol, Ulu Pahang, Jelai, Segamat, Kelang dan Naning. Kemunculan kerajaan awal tradisional tersebut berkait rapat dengan penghijrahan orang-orang Minangkabau dari Pagar Ruyung di Sumatera Barat melalui jalan air untuk ke Negeri Sembilan. Para pengkaji menyatakan pendapat yang berbeza mengenai latar masa sebenar penghijrahan mereka ke Negeri Sembilan sama ada sebelum, semasa dan selepas tertubuhnya kerajaan Kesultanan Melayu Melaka. Namun begitu, latar masa penghijrahan mereka berlaku lebih awal sebelum kedatangan Raja Melewar yang dipercayai pada 1773 dan kemudiannya dilantik menjadi Yam Tuan Negeri Sembilan.

Sungai Muar juga amat berkait rapat dengan aktiviti perdagangan dari Selat Melaka di Pantai Barat yang melalui Jalan Penarikan untuk ke Laut China Selatan di Pantai Timur. Pedagang melalui Sungai Muar dan masuk ke Sungai Jempol di Negeri Sembilan lalu dihubungkan kepada Sungai Serting melalui satu kawasan darat yang dikenali sebagai Jalan Penarikan, kemudian terus menghilir ke Sungai Bera dan Sungai Pahang untuk ke Pantai Timur. Aktiviti perdagangan amat sinonim menggunakan laluan air memandangkan kebanyakan pusat pentadbiran, pusat perdagangan dan kota-kota yang wujud pada ketika itu banyak berada di sekitar laluan atau lembangan sungai. Maka perdagangan tidak boleh lari daripada penggunaan kapal-kapal perdagangan sama ada bersaiz kecil, sederhana atau besar untuk tujuan tersebut.

Oleh sebab itu, penulisan ini akan menyorot atau memberi tumpuan dalam skop kecil kepada Sungai Muar di mana berlakunya proses penghijrahan khususnya bagi masyarakat Minangkabau dari Sumatera Barat ke Pasir Besar, Negeri Sembilan. Seterusnya penghuraian adalah menjurus kepada hubungkait Sungai Muar dengan aktiviti perdagangan dan penggunaan kapal-kapal dagang suatu ketika dahulu dalam konteks di Negeri Sembilan sekitar abad ke-14 dan ke-15. Kajian kepustakaan dijalankan bagi mengumpulkan bahan-bahan sumber sekunder melalui kajian-kajian terdahulu. Dapatan kajian dikumpulkan dan dihuraikan secara deskriptif bagi memperlihatkan peranan Sungai Muar yang boleh dikaitkan dengan sejarah Negeri Sembilan dan aktiviti masyarakatnya sekitar latar masa penubuhan kerajaan negeri tersebut.

LATAR BELAKANG SUNGAI MUAR DAN ALAM MELAYU

Sungai Muar tidak seperti sangkaan kebanyakan orang bahawa ia berada di dalam daerah Muar sahaja. Hulu sungai ini bermula di suatu lokasi di Jeram Toi atau lebih spesifiknya di Empangan Talang, di Kampung Talang, Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Empangan ini juga dirujuk sebagai Empangan Ulu Muar yang juga menjelaskan bahawa di sinilah lokasi bermula aliran Sungai Muar hingga ke muaranya yang terletak di Muar, Johor. Panjang sungai ini bermula dari hulu hingga ke muaranya yang melalui Negeri Sembilan dan Johor adalah 285 kilometer (km), manakala terdapat juga sumber lain yang menyatakan panjangnya ialah 250 km.



Gambar rajah 1. Peta punca air Sungai Muar bermula di Empangan Talang, Kuala Pilah, Negeri Sembilan, mengalir ke muaranya di Muar, Johor.
Sumber: *Google Maps*, 2023.

Berdasarkan catatan sejarah, Sungai Muar pernah menjadi laluan untuk tujuan ketenteraan dan pengembangan agama Hindu Buddha semasa era kerajaan Srivijaya dan Majapahit sekitar abad ke-13. Hal ini kerana kawasan Muar pada ketika itu merupakan sebahagian daripada jajahan Majapahit semasa pemerintahan Hayam Wuruk (Malik Munip, 1972). Apabila kerajaan Melayu Melaka muncul sebagai pusat perdagangan terkemuka di Alam Melayu, Sungai Muar berada dalam lingkungan pengaruh empayar tersebut dan terus berfungsi sebagai laluan utama bagi tujuan perdagangan. Malahan ia merupakan jalan perdagangan penting kerana menjadi jalan pintas dari Selat Melaka merentasi Tanah Semenanjung untuk ke Laut China Selatan melalui Jalan Penarikan dan dari arah sebaliknya.

Geografi Alam Melayu atau Nusantara adalah terpisah-pisah oleh selat, laut dan sungai. Antaranya Laut China Selatan, Laut Jawa, Laut Sulawesi dan Laut Sulu manakala selat yang utama adalah Selat Melaka, Selat Sunda dan Selat Makasar, tidak dilupakan Selat Tebrau yang memisahkan Johor dan Singapura. Hal ini tidak termasuk pelbagai lagi laluan sungai yang juga menjadi laluan masyarakat ke sesuatu tempat atas pelbagai urusan. Sungai-sungai di Alam Melayu suatu ketika dahulu mempunyai muara sungai yang luas dan dalam serta boleh dimudiki jauh ke pedalaman. Ianya jauh berbeza dengan keadaan pada masa kini yang tidak menggambarkan suasana pelayaran dan perdagangan masyarakat ketika itu.

Masyarakat Alam Melayu menjalankan pelbagai aktiviti yang melibatkan hubungan antara pelbagai tempat. Proses penghijrahan dari satu tempat ke tempat yang lain juga perkara biasa yang berlaku disebabkan pelbagai faktor. Etnik yang sering dikaitkan dengan penghijrahan ke Semenanjung Tanah Melayu adalah orang-orang Bugis, Jawa dan Minangkabau. Menurut Josseline (1952), Penghijrahan orang Minangkabau ke Semenanjung Tanah Melayu bermula kerana mereka menjalankan aktiviti perniagaan. Mobiliti masyarakat ini berlaku seawal abad ke-15. Namun begitu, terdapat juga kajian dan catatan yang percaya bahawa kedatangan orang Minangkabau ke Negeri Sembilan seawal abad ke-12.

Para pedagang atau peniaga, sebahagiannya berulang alik dari petempatannya ke kawasan perdagangan. Sebahagian yang lain lebih berminat menetap sementara di kawasan sekitar perdagangannya. Manakala ada juga yang masuk ke pedalaman dan membina kampung baharu di Negeri Sembilan seperti di Nanning (sekarang termasuk Negeri Melaka), Rembau, dan Sungai Ujung (Naim, 1979). Aktiviti perdagangan yang menggunakan laluan air secara meluas adalah sumber ekonomi utama masyarakat selain daripada sektor perlombongan tradisional dan pertanian sara diri.

Tiada dapat dinafikan bahawa Sungai Muar amat sinonim dengan sejarah Kesultanan Melayu Melaka. Bermula dari pengasasan oleh Parameswara sehingga kejatuhannya akibat diserang Portugis pada 1511, Sungai Muar adalah saksi peristiwa-peristiwa besar kegemilangan dan kejatuhan empayar ini. Bahkan tebing Sungai Muar juga adalah kubu pertahanan terakhir pasukan ketenteraan Kesultanan Melayu Melaka yang berundur dari pusat pentadbirannya setelah kota Melaka jatuh sepenuhnya kepada penguasaan Portugis. Namun begitu, penulisan ini cuba melihat kepentingan Sungai Muar dari perspektif sejarah Negeri Sembilan. Negeri Sembilan mempunyai tiga sungai utama iaitu Sungai Linggi, Sungai Muar dan Sungai Triang. Sungai Muar mengalir melalui beberapa kawasan asal usul penghijrahan orang Minangkabau di Negeri Sembilan seperti Pasir Besar dan Johol. Maka, selain daripada sejarah sedia ada berkaitan Sungai Muar dan Kesultanan Melayu Melaka, Sungai Muar juga boleh disangkutkan kepada peristiwa sejarah di Negeri Sembilan.

SUNGAI MUAR LALUAN PENGHIJRAHAN ORANG MINANGKABAU KE NEGERI SEMBILAN

Penghijrahan melalui jalan air berlaku disebabkan pelbagai faktor seperti keadaan huru-hara akibat konflik politik, bencana alam, adat tradisi atau disebabkan urusan perdagangan. Penghijrahan yang signifikan terhadap suasana politik dan pentadbiran pembesar di Tanah Melayu selepas keruntuhan empayar Melaka adalah daripada golongan masyarakat Bugis. Mereka menggunakan jalan air dari Sulawesi dan berhijrah ke kawasan-kawasan tertentu di Semenanjung Tanah Melayu sehingga berupaya membentuk pengaruh dan kerajaannya yang tersendiri seperti di Johor dan Selangor.

Bagi masyarakat Minangkabau pula, penghijrahan mereka ke Tanah Melayu bermula sekitar abad ke-15 (Abdul Samad Idris, 1970). Penghijrahan adalah suatu kebiasaan, malahan merantau dan berdagang adalah lumrah dan tradisi masyarakat ini (Nelmawani & Nordin, 2011). Orang Minangkabau sememangnya dikenali sebagai golongan perantau yang digalakkan oleh orang tuanya. Malahan ada perbilangan yang memperlihatkan perlunya tradisi ini:

Kerapatan orang di Bangkahulu,
Sudah berbuah berbunga belum,
Merantauah wahai si bujang dulu,
Di kampung berguna belum.

(Sumber: Dato' Komo Haji Duaji bin Bakar, *Sejarah Luak Jempol dan Adat Istiadatnya.*)

Adat Perpatih di Pagar Ruyung menggalakkan anak muda keluar dari kampung dan pergi merantau. Tujuan merantau adalah sebagai cara untuk mendidik anak muda supaya tabah, sabar dan sanggup hadapi cabaran di sepanjang perantauannya. Di Nanning, orang Minangkabau yang tiba di kawasan ini telah diberi tanah oleh Sultan Melaka untuk bercucuk tanam dan kemudiannya menjadi satu kawasan petempatan yang besar (Ab. Rahman, 2012). Penghijrahan adalah salah satu faktor yang menyebabkan terbentuknya sesebuah petempatan awal yang kemudiannya berkembang menjadi kerajaan tradisional di sesebuah kawasan. Selain itu ia juga mewujudkan komposisi masyarakat pesisir yang merangkumi penduduk tempatan, orang laut dan pedagang luar yang menjalankan aktiviti perdagangan (Adnan et. al., 2012). Orang Minangkabau di Negeri Sembilan ada yang datang dari Melaka dan Johor. Sebelum berhijrah ke Negeri Sembilan, mereka

terlebih dahulu meninggalkan Pagar Ruyung dan menetap sementara di kawasan berkenaan. Sebahagiannya suka berpindah dan meneroka lalu mendirikan petempatan di Naning dan Rembau, berhampiran sungai-sungai di Negeri Sembilan untuk berladang dan bersawah (Peraturan Adat Istiadat dalam Istana Besar Seri Menanti Negeri Sembilan Darul Khusus, 1955).

Newbold (1934) berpendapat penghijrahan orang Minangkabau berlaku sejak abad ke-12. Kumpulan pertama yang keluar dari Pagar Ruyung menuju Semenanjung Tanah Melayu diketuai oleh Tu Pattair, melalui Sungai Melaka dan tiba di suatu tempat bernama Tabo (dipercayai Taboh Naning, Melaka). Wilkinson (1923) pula berpendapat, penghijrahan orang Minangkabau berlaku tidak lama selepas kejatuhan Kesultanan Melayu Melaka iaitu pada abad ke-16. Selain itu, Khoo Kay Kim menyatakan penghijrahan bermula sejak awal penubuhan Kesultanan Melayu Melaka (Khoo Kay Kim, 1984). Berdasarkan kajian dan pandangan para sarjana berkenaan, kemasukan orang Minangkabau tidak berlaku dalam tempoh waktu tertentu yang singkat, tetapi secara berterusan dalam sela masa yang panjang.

Kedatangan mereka dalam kumpulan-kumpulan kecil secara tidak serentak (Ibrahim Mustapa, 1981). Penghijrahan adalah secara berperingkat-peringkat bersama rombongan yang dipercayai daripada suku-suku masing-masing. Saifullah & Febri Yulika (2017) menyatakan kedatangan mereka tidak serentak, *sporadic* atau bergelombang dan bertahap sekitar abad ke-15 dan 16. Latar masa tersebut adalah era kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka di mana Selat Melaka maju dengan perdagangan sehingga menarik perhatian para pedagang seluruh dunia untuk ke Melaka. Hal ini juga menjadi daya penarik kepada orang Minangkabau untuk berhijrah ke kawasan dalam kerajaan Kesultanan Melayu Melaka.

Persoalan laluan air manakah yang dilalui oleh orang Minangkabau juga banyak dinyatakan dalam pelbagai penulisan. Dari Sungai Linggi, orang Minangkabau tiba di Rembau dan berkembang ke Tampin dan kawasan sekitarnya (Reniwati, Midawati dan Noviatry, 2017). Abd Samad Idris (1970) dan Ibrahim Mustapa (1981) menerangkan, orang Minangkabau telah masuk melalui muara Sungai Linggi dan meneruskan pelayarannya ke cabang-cabang sungai menuju ke kawasan pedalaman. Rahilah dan Nelmawarni (2008) menyatakan, berdasarkan kenyataan Dato' Seri Maharaja Dato' Haji Khalid bin Bonget, kedatangan orang Minangkabau ke Tanah Melayu melalui empat jalan, iaitu dari Temasik (Singapura) dan Hujung Medini (Johor), dari Sungai Linggi, dari Sungai Muar dan Jalan Penarikan serta dari Segenting Langkap, Sungai Triang dan Kelang.

Penulisan lama oleh pegawai British menyatakan, orang Minangkabau dari suku Sri Lemak, Sumatera telah berhijrah melalui Melaka atau melalui laluan Sungai Muar ke Pahang (Nathan dan Winstedt, 1920). Perantau awal Minangkabau telah melalui Sungai Muar, mudik hingga ke Kuala Pilah lalu berlanjur ke Sungai Pahang. Nama Ulu Muar yang berada di Kuala Pilah dipercayai diberi oleh orang Minangkabau yang mudik dari Sungai Muar ketika kedatangannya ke Negeri Sembilan (Saifullah dan Febri Yulika, 2017). Pendapat yang sama juga mengatakan bahawa orang Minangkabau melalui Sungai Muar dan membina petempatan di pedalaman. Antaranya Ismail (1997) menyatakan mereka naik di Johor melalui Sungai Muar sehingga ke Jalan Penarikan, kemudiannya membuka kawasan (luak) yang bernama Jelebu, Ulu Muar dan Jempol. Begitu juga Rahilah dan Nelmawarni (2008) menyatakan, mereka yang melalui Sungai Muar mendarat di Lubuk Ulu Muar iaitu Kuala Pilah, kemudian menyusur mengikut Segenting Langkap ke Hulu Kelebang dan keluar ke Ulu Sungai Lumut dan mengalir sampai ke kuala Kampung Kuala Dulang di Jelebu.

Norhalim (1995) menyatakan, penghijrahan orang Minangkabau melalui dua tahap. Pertama, penghijrahan bersifat sementara-kekal berlaku dalam abad ke-13 hingga ke-15. Kedua, penghijrahan kekal bermula pada abad ke-14 dan seterusnya. Kedua-dua tahap penghijrahan ini dipercayai menggunakan laluan Sungai Linggi dan Sungai Rembau. Penghijrahan seterusnya ialah dengan melalui Sungai Muar. Orang Minangkabau melalui Sungai Muar hingga ke Sungai Serting

dan sepanjang laluan tersebut mereka merantau ke pedalaman daerah Tampin, Kuala Pilah dan Jempol.

Menurut catatan tangan Ujang Dohat, seorang pembesar Adat Lingkungan Jempol bergelar To' Kaya Menteri, sejarah kedatangan orang Minangkabau bermula sewaktu kedatangan Datuk Sepedang bersama sembilan orang ketua dan anak buahnya. Kumpulan ini meredah Selat Melaka dan menyusuri tepi pantai Semenanjung, kemudiannya memasuki Sungai Muar. Dari muara Sungai Muar mereka mudik sehingga tiba di Merbau Seratus (Kampung Londah sekarang) lalu meninggalkan seorang ketua dan anak buahnya di situ untuk membina petempatan. Sebahagian yang lain meneruskan mudik sehingga ke Kuala Sungai Jelai dan mewujudkan petempatan lain di Inas dan Johol (Norhalim, 1999).

Hubungan sejarah antara Minangkabau dengan Negeri Sembilan dimulai pada pertengahan abad ke-14, iaitu semasa kerajaan Pagaruyung (Amir Sjariffoedin, 2020).

Alam Minangkabau lazimnya menyebut darek, pesisir dan rantau bagi merujuk kepada kesatuan geografi, politik, ekonomi dan kebudayaan (Rahilah dan Nelmawarni, 2008). Terdapat 12 suku di Negeri Sembilan iaitu Suku Biduanda, Tiga Batu, Batu Belang, Seri Melenggang, Seri Lemak, Paya Kumbuh, Batu Hampar, Suku Mungkal, Tanah Datar, Anak Aceh, Tiga Nenek dan Anak Melaka (Nurlisa Syuhada dan Mohd Yuzaidy, 2023). Pembahagian adat di Negeri Sembilan pula bergantung kepada lokasi iaitu daerah yang letaknya berjauhan dari laut seperti Jelebu, Jempol, Kuala Pilah, Tampin, Rembau dan Seremban merupakan wilayah Adat Perpatih manakala kawasan di persisiran pantai seperti Port Dickson adalah pengamal Adat Temenggung (Mohd Rosli dan Mohammad Hanafiah, 2021).

Zulkapli (1995) mengatakan penghijrahan orang Minangkabau dipercayai masuk melalui beberapa buah pelabuhan (sungai). Hal ini terbukti kerana dari pantai timur Sumatera ada lima jalan yang dapat dilalui untuk ke Negeri Sembilan iaitu melalui Temasik (Singapura), Sungai Linggi, Sungai Muar dan Jalan Penarikan, Segenting Lengkap dan Sungai Teriang dan Sungai Langat (Mestika, 2010). Kebanyakan sungai-sungai besar disebut sebagai lembangan sungai iaitu sungai yang mempunyai kuala dan sungai-sungai ini kebiasaan mempunyai peranan dalam konteks sejarah (Muhammad Termizi Hasni et al., 2015). Kawasan sungai menjadi tapak terawal sebagai lokasi penempatan manusia dan menjadi laluan perhubungan utama pada masa dahulu malah ada yang masih kekal sehingga ke hari ini. Sungai Muar-Pahang merupakan salah satu rentasan purba yang menunjukkan terdapat pengaruh ketamadunan ataupun telah berlaku interaksi masyarakat di kawasan tersebut. Sungai Muar dan Laluan Penarikan telah bermula sejak abad ke-15 Masihi. Laluan Penarikan merupakan satu pusat petempatan dan perdagangan di bawah wilayah Sang Hyiang Hujung berlanjutan hingga ke zaman Sultan Mahmud Melaka (1488M hingga 1511M). Seorang pengembara yang bernama Manuel Godinho De Eredia telah mencatat dan melukis Laluan Penarikan ini pada tahun 1613 (Preethevan et al., 2020; Norhalim dan Jamaludin, 1999). Laluan Penarikan merupakan jalan pintas bagi para pedagang dari persisiran pantai barat (Muar, Melaka dan Negeri Sembilan) untuk ke pantai timur (Pahang dan Terengganu) Semenanjung Tanah Melayu kerana laluan ini dapat memendekkan masa perjalanan dan jarak antara lokasi lebih dekat (Adnan Jusoh et al., 2013).

Menurut Rosiswandy (2017) mengatakan teori penghijrahan orang Minangkabau menjelaskan bahawa penghijrahan yang berlaku dipercayai menggunakan Sungai Linggi, Sungai Rembau, Sungai Muar hingga Sungai Serting, kemudian diteruskan ke Jalan Penarikan, Sungai Serting hingga Sungai Pahang dan masuk ke Sungai Teriang dan kemudian Sungai Teriang terus ke daerah Jelebu. Perhentian antara Kuala Sungai Serting hingga ke Pasir Besar dalam Peta (2) ialah Kuala Sungai Serting, Sungai Tentero, Sungai Tris, Sungai Mekik, Kuala Sungai Bahau, Batu Peti, Lubuk Rawang dan Pasir Besar (Preethevan et al., 2020). Laluan ini digunakan bagi tujuan perdagangan iaitu apabila para pedagang berhenti di perhentian ini, maka berlakulah aktiviti jual beli secara bertukar-tukar barang. Malah para pedagang juga menginap bermalam di perhentian

tersebut bergantung kepada masa ketibaan di lokasi berkenaan. Setelah terciptanya perahu, maka penggunaan laluan sungai menjadi semakin aktif dengan perhubungan luar melalui aktiviti perdagangan yang dijalankan (Zuliskandar dan Nik Hassan Shuhaimi, 2010).



Gambar rajah 2. Peta laluan Sungai Muar ke Jalan Penarikan
Sumber: Preethevan et al., 2020.

Negeri Sembilan dalam Peta (3) dibina berpandukan kedudukan sungai (Mohamad Hanif dan Azizi, 2017). Negeri Sembilan mempunyai tujuh daerah iaitu Seremban, Port Dickson, Rembau, Jelevu, Kuala Pilah, Jempol dan Tampin. Berdasarkan aktiviti kegiatan masyarakat Negeri Sembilan pula, umumnya dipacu oleh industri berasaskan pertanian yang merangkumi ladang getah, kelapa sawit, kawasan ternakan haiwan, dusun buah-buahan dan tanaman sayur-sayuran seluas 309 850 hektar tanah digunakan. Hal ini dapat digambarkan bahawa keadaan geografi dan bentuk muka bumi Negeri Sembilan yang bergunung-ganang telah membuka ruang kepada penduduk lebih banyak beraktiviti berburu, memungut hasil hutan dan bercucuk-tanam (Rosiswandy, 2017). Berdasarkan sejarah lalu, masyarakat Minangkabau suka bertani, tambahan pula faktor geografi di Negeri Sembilan telah menjadikan masyarakat ini meneruskan aktiviti pertanian dengan meluas (Farrah Wahida et al., 2020).




Gambar rajah 3. Peta Negeri Sembilan.

Sumber: <http://www.ns.gov.my> (Portal Rasmi Kerajaan Negeri Sembilan).

Pasir Besar, Tampin

Pasir Besar merupakan Pasir Besar mempunyai perkaitan sejarah dengan orang kenamaan dari Minangkabau bernama Datuk Melengkar Alam dan isterinya bernama Tok Koyan ketika ke Negeri Sembilan, mereka terus mengambil keputusan untuk menetap di Pasir Besar (Buyong Adil, 1981). Datuk Melengkar Alam dikenali sebagai Tok Batin dalam kalangan kelompoknya, namun begitu bermula 18 Oktober 1987 gelaran bertukar kepada Datuk Pasir Besar Akhirul Zaman. Sebelum kedatangan orang Minangkabau, Negeri Sembilan dihuni oleh penduduk asli (Orang Asli) yang disebut dengan nama orang Jakun, yang telah ada sejak masa kejayaan Kerajaan Melaka (Witrianto, 2014). Suku Jakun adalah suku kaum Melayu Asli (Melayu-Proto) yang tinggal di Selatan Semenanjung Malaysia yang digelar dengan nama 'Batang Air' kerana penempatan mereka yang berhampiran dengan anak-anak sungai (Siti Fatiemah dan Jama'yah, 2013). Suku Jakun juga merupakan antara salah satu kumpulan Melayu Proto atau Orang Ulu yang mendiami kawasan bukit, lembah, sungai dan gua (Jabatan Kemajuan Orang Asli, 2023). Situasi ini membuktikan sudah wujud penempatan awal Orang Asli yang tinggal di pesisir sungai pada waktu itu.

Dalam catatan Newbold menunjukkan bahawa kaum lelaki dari Minangkabau yang mula-mula datang dan kemudiannya berkahwin dengan penduduk tempatan yang akhirnya wujud suku Biduanda. Suku Biduanda merupakan hasil asimilasi proses kebudayaan yang telah berlaku di Negeri Sembilan khususnya Pasir Besar. Pasir Besar merupakan salah satu kawasan dalam daerah Gemas dan berada dalam Luak Johol. Kini Luak Johol mempunyai penduduk yang terdiri daripada Orang Asli, penduduk suku asal (Suku Biduanda), peneroka dari Minangkabau, Sumatera, peneroka Rancangan FELDA dan lain-lain dan kaum bukan Bumiputera (Dato-Dato Lembaga Luak Johol, 1996). Suku Biduanda di Pasir Besar dianggap kategori paling awal membuka penempatan komuniti dengan membuka hutan dan membuat kampung (Rahillah dan Nelmawarni, 2008).



Gambar rajah 4. Peta Kedudukan Pasir Besar, Gemas, Negeri Sembilan.
Sumber: Google Maps.

Penempatan dibentuk di kawasan pedalaman sungai, oleh peneroka yang merupakan perantau yang gemar menjalankan kegiatan bercucuk-tanam (Mohd Akbal dan Rafiuddin, 2013). Pasir Besar dikenali dengan jolokan 'Bumi Bertuah' kerana kawasannya yang cantik dan subur.

Laluan Laut Nusantara Penyumbang kepada Aktiviti Perkapalan

Sungai merupakan satu jalan perhubungan yang penting untuk pergi ke tempat yang lain terutama untuk ke kawasan pedalaman selain daripada mendapatkan sumber air dan makanan (Preethevan Ramu et al., 2020). Sebelum abad ke-15, Nusantara telah berkembang menjadi sebuah wilayah perdagangan dan sering dikunjungi oleh para pengembara dan pedagang luar (Ismail Ali, 2016). Terdapat dua jalan (jalur) perdagangan yang digunakan untuk sampai ke Nusantara iaitu melalui darat atau lebih dikenali dengan 'Jalur Sutra' (*Silk Road*) yang dimulai dari China melalui Asia Tengah, Turkistan hingga ke Laut Tengah menghubungkan India dan merupakan jalan perdagangan paling lama yang menghubungkan antara China dengan Eropah. Setelah berlaku kekacauan pada abad ke-2 Masihi di Asia Tengah telah menyebabkan berlakunya gangguan terhadap pengguna laluan tersebut. Dengan demikian, para pedagang telah menggunakan jalan laut sebagai alternatif untuk sampai ke Nusantara.

Manakala laluan kedua ialah menggunakan laluan laut bermula dari negara China yang melalui Laut China Selatan kemudian Selat Melaka, Calicut (India), lalu ke Teluk Persia melalui Syam (Syria) sampai ke Laut Tengah atau melalui Laut Merah sampai ke Mesir lalu menuju Laut Tengah dan sebaliknya iaitu dari Mesir menuju Lautan Hindi ke India dan melewati Nusantara untuk sampai ke China (Ismail Ali, 2016). Pada ketika itu, pelabuhan utama di Nusantara ialah Srivijaya dan Majapahit merupakan tempat persinggahan kapal-kapal dagang dan pelabuhan yang mengumpul dan memasarkan barang-barang daripada pelbagai negara ke seluruh wilayah di Nusantara. Selain itu, lokasi ini juga menjadi pusat pengumpulan hasil-hasil dari wilayah Nusantara untuk disalurkan kepada pedagang luar.


Srivijaya dan Majapahit mempunyai kapal-kapal yang belayar ke seluruh Asia Tenggara hingga ke India malah ke Madagaskar dan Afrika. Selain daripada kerajaan Srivijaya dan Majapahit, aktiviti perdagangan maritim diperluaskan ke seluruh wilayah antaranya pelabuhan Melaka, Aceh, Jambi, Palembang, Patani, Sunda Kelapa (Jakarta), Demak, Tuban, Gerisik, Semarang, Banjarmasin, Makassar, Champa, Brunei dan lain-lain (Hashim, Rozitan dan Salmah Jan, 2014).

Perkembangan pelabuhan dan perdagangan ini telah merancakkan lagi sistem ekonomi dan teknologi perkapalan dan perahu bercadik di Nusantara. Pada peringkat awal dalam sejarah perkembangan orang Melayu dalam pembuatan perahu, perahu yang dibina bersaiz kecil dan mudah dicipta malah bahan-bahan yang digunakan seperti buluh, kulit kayu atau kayu ringan seperti kayu basung untuk dijadikan rakit atau perahu (Ahmad Jelani Halimi, 2020). Kemudian orang Melayu melalui fasa perkembangan pembinaan perahu dengan menggunakan kayu-kayu yang lebih keras dan besar seperti perahu lesung atau *dugout canoe* yang mampu untuk belayar secara jarak jauh, boleh mengangkut barang-barang dan boleh membawa penumpang yang lebih ramai.

Ketika Bengkalis diserang sebagai sebuah pusat pelabuhan terkemuka yang menghubungkan dengan kawasan pedalaman Sumatera Tengah membuktikan bahawa dengan adanya dua lancang dan 13 kapal atau perahu penjajap tidak mampu untuk menyerang balas armada Portugis pada tahun 1547 (Muhammad Isa, Khodijah dan Muhammad Fadhil, 2021). Bengkalis merupakan tempat pertemuan para pedagang Melayu, Jawa, Arab, Siam, Kemboja, Cina dan orang Minangkabau. Ia juga dikenali sebagai sebuah bandar pelabuhan yang penting di bahagian timur pantai Sumatera iaitu sungai Siak yang menjadi laluan para pedagang dan musafir asing masuk ke pedalaman Sumatera Tengah (Rosiswandy, 2017). Peta (5) menunjukkan kedudukan Siak yang menjadi bandar pelabuhan yang penting menghubungkan pedagang dengan kawasan pedalaman Sumatera yang dihubungkan melalui sungai (Nordin, 2008). Kawasan pedalaman Sumatera kaya dengan hasil bumi seperti emas, lada hitam (Muhammad Isa, Khodijah dan Muhammad Fadhil, 2021) dan bijih timah (Nelmawarni dan Nordin, 2011). Perbilangan popular dalam kalangan orang Minangkabau:

Beraja ke Johor, bertali ke Siak, bertuan ke Minangkabau.

Penyataan 'bertali ke Siak' membuktikan bahawa aliran sungai di Siak yang digunakan oleh orang Minangkabau dikaitkan sebagai jalan perhubungan bagi perantau ke Laut Selat Melaka sehingga tiba di Negeri Sembilan. Perbilangan ini dikatakan mempunyai makna yang sangat luas dan boleh difahami dengan pelbagai maksud tersirat dan tersurat. Pada waktu itu, terdapat ramai orang Minangkabau yang telah berhijrah ke Siak dan menjadi pedagang atau orang tengah pedagang dengan penduduk Minangkabau yang tinggal di kawasan pedalaman.



Gambar rajah 5. Peta laluan Sungai Siak ke Sungai Muar

Sumber:

<https://malaycivilization.com.my/omeka/files/original/0382901f09b9581f8865ff8708fac221.pdf>.

Menurut Luqman Nulhakim (2018) terdapat dua laluan sungai yang menjadi laluan orang Minangkabau ke semenanjung iaitu Sungai Linggi dan Sungai Muar. Masyarakat Minangkabau yang bermigrasi memulai perjalanan ke semenanjung melalui pantai di Siak dengan menggunakan sebuah kapal lancang (Hashim Musa, Rozita Che Rodi dan Salmah Jan Noor Muhammad, 2014). Dalam Kamus Dewan, lancang memberi maksud kapal layar yang laju; ancak (perahu kecil) untuk memuatkan jamuan hantu dan tepak sirih yang berbentuk seperti kapal layar. Kapal Lancang Kuning merupakan lambang kekuasaan kerajaan dan digunakan sebagai kenderaan rasmi kerajaan (Hashim, Rozita dan Salmah Jan, 2014). Dari segi seni reka bentuk binaannya, bahagian haluan berbentuk naga berjuang dan bahagian buritan berbentuk naga bertangkup, lancang dicat dengan warna kuning dan mempunyai sebatang tiang tunggal (tiang layar). Lancang terkenal di Riau dengan kisah seorang wanita yang sedang hamil untuk menjadi penggalang lancang (Luqman Nulhakim, 2018).

Lancang berasal dari perkataan kencang atau laju kerana bentuknya yang tirus dan ukurannya lebih kecil dari penjajap (Rumzi, 2018). Lancang merupakan salah satu kapal yang digunakan oleh orang Melayu. Tiga jenis warisan kapal orang Melayu khususnya orang Sumatera yang digunakan dalam aktiviti perdagangan dan kegiatan maritim pada waktu dahulu iaitu (1) jenis kapal besar bagi penjelajahan di lautan dan antara benua iaitu jong, (2) kapal sederhana bagi penjelajahan antara pelabuhan di Alam Melayu iaitu kapal nade dan kapal lancang (Gambar 1), dan (3) kapal atau perahu kecil untuk kegiatan di pinggir dan sungai (Hashim, Rozitan dan Salmah Jan, 2014). Dalam teromba atau perbilangan menyebutkan:

Bangau putih, datang dari laut, berkepak sayap.

Perbilangan ini merujuk kepada orang Minangkabau yang tiba dengan perahu layar iaitu 'berkepak sayap' (Rosiswandy, 2017). Jika dilihat kepada reka bentuknya menunjukkan terdapat layar seolah-olah 'kepak sayap' yang digambarkan dalam perbilangan tersebut. Layar tersebut juga berfungsi sebagai Lancang seringkali disebut sebagai kapal atau perahu kerana mempunyai pelbagai saiz. Gambar (1) menunjukkan bentuk lancang yang digunakan di Sungai Siak yang kemungkinan digunakan oleh orang Minangkabau.



Gambar rajah 6. Lancang Siak.
Sumber: Carl W. Mitman. (1923).

Rombongan pertama yang ke Negeri Sembilan dari Minangkabau telah singgah di Siak, kemudian meneruskan perjalanan menyeberang ke Johor (Amir Sjarifoedin, 2020). Rombongan ini dikatakan telah bertemu dengan orang Asli yang merupakan penduduk asal yang tinggal di situ. Maka suku Biduanda mula berkembang di Negeri Sembilan hasil percampuran budaya dan genetik melalui perkahwinan antara orang Asli dengan orang Minangkabau.

Penulis Eropah mengatakan Laluan Penarikan adalah untuk laluan perdagangan namun dalam penulisan tempatan banyak tertumpu kepada isu politik seperti melarikan dan menyembunyikan diri daripada musuh (Norhalim dan Jamaludin, 1999). Tambahan pula, laluan laut tidak selamat kerana ada ancaman lanun-lanun (Mohd Faizal, 2021) dan untuk mengelak dari gangguan cuaca angin monsun (Preethevan et al., 2020). Antara fungsi Laluan Penarikan adalah tujuan perdagangan iaitu kawasan Mior, Norhati, Asyaari dan Mastor, 2017) dalam catatan --- apabila pihak Portugis disekat semasa dalam pelayaran ke Melaka dari China, mereka akan mengalihkan semua kapal ke Pekan, Pahang dan diturunkan ke perahu yang lebih kecil. Kemudian mereka ke hulu Sungai Pahang dan melalui Jalan Penarikan untuk ke sampai ke Sungai Muar. Kaedah ini adalah untuk pihak Portugis mendapat bekalan makanan bagi tentera mereka apabila laluan Selat Johor dihalang oleh kapal-kapal Belanda.

KESIMPULAN

Kajian ini membuktikan bahawa laluan Sungai Muar sangat penting dalam sejarah penubuhan Negeri Sembilan khususnya Pasir Besar, Gemas. Ini adalah kerana penubuhan Pasir Besar merupakan antara kawasan terawal diterokai oleh orang Minangkabau. Hal ini menunjukkan terdapatnya perkembangan penduduk di Pasir Besar yang terdiri daripada suku Biduanda sebagai hasil dari berlakunya proses percampuran budaya dan genetik antara Orang Asli sebagai warga tempatan dengan orang Minangkabau sebagai warga yang berhijrah ke situ. Malah penggunaan Sungai Muar sebagai pintu utama masuk yang melalui perairan sungai sehingga menjadikan sungai di Pasir Besar sebagai hentian kapal pedagang menunjukkan bahawa terdapat kapal atau perahu sebagai pengangkutan pada waktu itu. Pembuktian melalui perbilangan, cerita

lisan menerusi catatan tangan dalam masyarakat dan kajian-kajian lepas membuktikan bahawa penggunaan kapal lancang dan perahu sebagai jenis pengangkutan orang Minangkabau di laluan air tersebut. Dengan demikian, antara kekangan yang dihadapi dalam kajian ini ialah kekurangan dapatan dalam bentuk penulisan khususnya pembuktian laluan air Sungai Muar ke Pasir Besar seterusnya ke Laluan Penarikan yang berakhir di Sungai Pahang. Antara cadangan yang boleh dijalankan pada masa akan datang ialah menambah kaedah bentuk carian dan mengumpulkan data melalui temubual informan di Pasir Besar bagi membuktikan atau mengesahkan cerita lisan yang sedia ada.

PENGHARGAAN

Makalah ini merupakan sebahagian dari kajian Asal-Usul Negeri Sembilan, Geran Luar GL/20/TAMPIN/01 yang ditaja sepenuhnya oleh Datuk Dr. Hasan Bahrom (Ahli Parlimen Tampin bagi tahun 2021) kepada pihak Institut Ketamadunan Melaka, Universiti Melaka bagi menjalankan kajian ini.

RUJUKAN

- Ab. Rahman Napiah. (2012). Menyelusuri Akar Melayu dengan Teori Keunggulan Tekdealisme. *Jurnal Peradaban Melayu*, 69-94.
- Abdul Samad Idris. 1970. *Hubungan Minangkabau dengan Negeri Sembilan Dari Segi Sejarah dan Kebudayaan*. Seremban: Pustaka Asas Negeri.
- Adnan Jusoh, Khairi Ariffin, Nabir Abdullah & Mohamad Kamal Kamarudin. 2013. Laluan Penarikan di Semenanjung Tanah Melayu: tumpuan dari aspek fungsi dan warisan sejarah. *Prosiding Seminar Sehari Penyelidikan Fakulti Sains Kemanusiaan*, hlm. 385-400.
- Adnan Jusoh, Khairi Ariffin, Nabir Abdullah, Zuliskandar Ramli, Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman & Rashid Hamat. 2013. Laluan Penarikan di Semenanjung Tanah Melayu berdasarkan sumber Barat dan tempatan. *Prosiding Seminar Antarabangsa ke-2 Arkeologi, Sejarah dan Budaya di Alam Melayu*, hlm. 195-210.
- Adnan Jusoh, Yunus Sauman, Nik Hassan Suhaimi & Zul Iskandar Ramli. 2012. Aktiviti kelautan di Alam Melayu berdasarkan data arkeologi, manuskrip Melayu dan sumber asing. *Prosiding Seminar Antarabangsa Arkeologi, Sejarah dan Budaya di Alam Melayu*, hlm. 415-435.
- Ahmad Jelani Halimi. 2020. Penguasaan maritim dan aktiviti perdagangan antarabangsa kerajaan-kerajaan Melayu. *International Journal of Interdisciplinary & Strategic Studies*, 1 (1), 18-29.
- Amir Sjarifoedin. 2020. *Minangkabau: Dari Dinasti Iskandar Zulkarnain hingga Tuanku Imam Bonjol*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Buyong Adil. 1981. *Sejarah Negeri Sembilan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Carl W. Mitman. 1923. Catalogue of the Watercraft Collection in the United States National Museum, Bulletin, No. 127. Washington: United States National Museum.
- Dahlan Hj. Nahu. Sejarah Jempol.
- Dato-Dato Lembaga Luak Johol. 1996. *Luak Johol*. Seremban: Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Muzium Negeri Sembilan.
- Dato' Komo Haji Duaji Bakar. *Sejarah Luak Jempol dan Adat Istiadatnya*. n.d. <https://malaycivilization.com.my/omeka/files/original/a612d31a64fa6f636ceb93cf7028a199.pdf>.
- Datuk Pasir Besar Akhirul Zaman. *Malaycivilization*, <https://malaycivilization.com.my/omeka/items/show/105640>, [22 Julai 2023].
- Farrah Wahida Mustafar, Abd Aziz A'zmi, Norizan Mohd Noh, Nurliana Suhaini & Aimi Khairunnisa Abdul Karim. 2020. Potensi pelancongan di Tampin, Negeri Sembilan. *Jurnal Tuah*, 1 (1): 67-82.

- Hashim Musa, Rozita Che Rodi & Salmah Jan Noor Muhammad. 2014. Sejarah ringkas warisan perkapalan tradisional Melayu. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*, 2 (3): 31-42.
- Ibrahim Mustapa. 1981. Sejarah ringkas kedatangan orang Minangkabau dan Adat Perpatih ke Negeri Sembilan. *Warisan*, 21-34.
- Ismail Abdul Hadi. 1997. Beraja ke Johor, Bertuan ke Minangkabau, Bertali ke Siak: Satu Rentetan Sejarah Negeri Sembilan. *Warisan: Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Negeri Sembilan*, 52-68.
- Ismail Ali. 2016. Sumbangan perahu bercadik dalam pembinaan peradaban maritim. <https://eprints.ums.edu.my/13939/1/nc0000002955.pdf>, [16 November 2021].
- Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). 2023. Suku kaum Orang Asli Semenanjung Malaysia. <https://www.jakoa.gov.my/orang-asli/suku-kaum/> [21 Julai 2023].
- Josseline De Jong, P.E. de. 1980. *Minangkabau and Negri Sembilan: Socio-Political Structure in Indonesia*. The Hague: Martinus Nijhoff.
- Khoo Kay Kim. 1984. *Negeri-negeri Melayu Pantai Barat, 1850-1873: Kesan Perkembangan Dagang Terhadap Politik Melayu*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Luqman Nulhakim Harzamar. 2018. *Sejarah Naning: Tanah Berkeramat Penghulu Berdaulat*. Kuala Lumpur: Geroda Merah Press.
- Malik Munip. 1972. *Sejarah Perkembangan Penduduk Rumpun Melayu Muar 1884-1920*. Jebat Bil. 2: 34-47.
- Mestika Zed. 2010. Hubungan Minangkabau dengan Negeri Sembilan. *Dialog Kesejarahan III, Johor Bahru*, 1-15.
- Mior Zainal Abidin, Norhati Ibrahim, Asyaari Muhammad & Mastor Surat. 2017. Analysis of alternative trade route based on earlist cartography and textual data. *The European Proceedings of Social & Behavioural Sciences, Asia International Multidisciplinary Conference*, hlm. 551-562. <http://dx.doi.org/10.15405/epsbs.2018.05.43>
- Mohd Akbal Abdullah & Rafiuddin Afkari Abdul Fattah. 2013. Diaspora rumpun Melayu di Muar, Johor, Malaysia. Seminar Diaspora dan Deklarasi Daerah Kembar Siak dengan Dungun, Terengganu, Siak, 15-17 November, 1-14.
- Mohd Faizal Harun. 2021. Penyebaran Islam ke Pahang berdasarkan bukti awal sebelum pengislaman dari Melaka: satu tinjauan. *Journal of Sciences and Management Research*, 8: 60-74.
- Mohamad Hanif Abdul Wahab & Azizi Bahauddin. 2016. "Merantau": agents of developments of Malays heritages built environment. 2nd Art and Design International Conference 2016, Shah Alam, 9-11 Oktober, hlm. 1-6.
- Mohamad Hanif Abdul Wahab & Azizi Bahauddin. 2017. Konsep 'Alam Takambang jadi Guru' terhadap organisasi ruang Rumah Tradisional Negeri Sembilan (RTNS) di Rembau, Malaysia. Social Sciences Postgraduate International Seminar (SSPIS) 2017. School of Social Sciences, USM, Pulau Pinang, Malaysia, hlm. 99-108.
- Mohd Rosli Saudin & Mohammad Hanafiah Maulud. 2021. Asal usul suku-suku di Negeri Sembilan berdasarkan lokasi di Sumatera Barat, Indonesia. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 5(1): 137-147.
- Muhammad Isa Selamat, Khodijah Ishak & Muhammad Fadhil Junery. 2021. Bengkalis sebagai pusat pelabuhan dan perdagangan era kesultanan Melayu. *Journal of Islamic Philanthropy & Social Finance*, 3 (2): 40-51.
- Muhammad Termizi Hasni, Zuliskandar Ramli, Muhammad Shafiq Mohd Ali & Muhammad Afiq Omar. 2015. Tapak hunian manusia di sepanjang lembangan Sungai Muda dari zaman prasejarah sehingga zaman protosejarah. Prosiding Seminar Antarabangsa Ke-8: Ekologi, Habitat Manusia dan Perubahan Persekitaran, Kampus.
- Naim, M. 1979. *Merantau: Pola Migrasi Suku Minangkabau*. Yogyakarta: Gajah Mada University Press.
- Nathan, J.E. & Wintedt, R.O. 1920. *Johol: Inas, Ulu Muar, Jempul, Gunong Pasir and Terachi Their History and Constitution*. London: Luzac & Co.

- Nelmawarni Bungo & Nordin Hussin. 2011. Merantau ke Kuala Lumpur: Tradisi Merantau dan Berdagang Masyarakat Minang. *GEOGRAFIA Malaysian Journal of Society and Space*. Special Issue: Social and Spatial Challenges of Malaysian Development, hlm. 116 – 131.
- Nordin Hussin. 2008. Geografi dan perdagangan: kepentingan Selat Melaka kepada perdagangan dunia, Asia dan dunia Melayu 1700-1800. *Akademika*, 73: 3-26.
- Norhalim Ibrahim. 1995. *Negeri Yang Sembilan*. Shah Alam: Penerbitan Fajar Bakti.
- Norhalim Ibrahim. 1998. Ulasan dan perbincangan lanjut: beraja ke Johor, bertuan ke Minangkabau, bertali ke siak, oleh Hj. Ismail bin Abdul Hadi, *Warisan*, 1997. 20:52-68. *WARISAN: Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia*, 21: 83-133.
- Norhalim Ibrahim. 1999. Tradisi Lisan di Negeri Sembilan Pendokumentasian Semula Cerita Asal Usul Jempol Dahulu dan Sekarang. *Warisan: Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan*. 22: 96-105.
- Norhalim Ibrahim & Jamaludin Samsudin. 1999. Jalan Penarikan laluan sejarah di Jempol. *Warisan: Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia*, 22: 28-45.
- Nurlisa Syuhada Mohd Radzi & Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff. 2023. Adat perpatih di luak Johol, Negeri Sembilan: Peranan Ibu Soko. *Jurnal Wacana Sarjana*, 7 (3): 1-13.
- Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Langkawi Kedah, 21-22 September, 455-467.
- Peraturan Adat Istiadat dalam Istana Besar Seri Menanti Negeri Sembilan Darul Khusus 1955. <http://www.malaycivilization.com.my/omeka/files/original/2bd0ad613f3a5ac52d6134117b2fc5c2.pdf>.
- Perbadanan Muzium Negeri Kelantan. 2021. Duit/Dinar emas Kelantan. <https://muzium.kelantan.gov.my/index.php/ms/artifak/duit-dinar-emas-kelantan>, [24 November 2021].
- Preethevan Ramu, Zuliskandar Ramli, Shamsuddin Ahmad, Mohamad Nazim Abdul Gaman, Asrul Effendi Kamaruzzaman & Muhammad Zaki Razani. 2020. *Jurnal Arkeologi Malaysia*, 33 (1): 27-41.
- Rahilah Omar & Nelmawarni. 2008. Negeri Sembilan: rantau Minangkabau di Semenanjung Tanah Melayu. *HISTORIA: Jurnal Pendidikan Sejarah IX*, 2: 1-32.
- Reniwati, Midawati & Noviatry. 2017. Lexical Variations Of Minangkabau Language Within West Sumatra And Peninsular Malaysia: A Dialectological Study. *GEOGRAFIA Malaysia Journal of Society and Space*. 13 (3): 1-10.
- Rosiswandy Mohd Salleh. 2017. Sejarah pengamalan adat perpatih di Negeri Sembilan. <http://www.jmm.gov.my/files/Sejarah%20Pengamalan%20Adat%20Perpatih%20Di%20Negeri%20Sembilan.pdf>, [24 November 2021].
- Rumzi Samin. 2018. Perahu lancang kuning kearifan lokal masyarakat Melayu Bintan Kepulauan Riau. *Jurnal Ilmu Administrasi Negara*, 6 (2): 9-13.
- Saifullah & Febri Yulika. 2017. *Pertautan Budaya-Sejarah Minangkabau dan Negeri Sembilan*. Sumatera Barat: Institute Seni Indonesia Padangpanjang.
- Siti Fatiemah Sa'at & Jama'yah Zakaria. 2013. Masa depan cerita rakyat masyarakat Orang Asli Jakun. *International Journal of the Malay World and Civilisation (IMAN)*, 1 (1): 83-88.
- Wilkinson, R.J. 1923. *A History of the Peninsula Malays with Chapters on Perak & Selangor*. Berkeley: Kelly & Wallsh.
- Witrianto. 2014. Migrasi orang Minangkabau ke Negeri Sembilan. *Suluah*, 15 (19): 117-126.
- Zawiah Mat & Mashitah Sulaiman. 2007. Interaksi budaya India dan Cina ke atas pengukuhan bahasa dalam Tamadun Melayu. *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 8: 115-140.
- Zuliskandar Ramli & Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman. 2010. Petempatan masyarakat zaman logam di Selangor berdasarkan data arkeologi. *Sari-International Journal of the Malay World and Civilisation*, 28(1): 41-55.
- Zulkapli Othman. 1995. Negeri Sembilan abad ke 18. dlm. Abdullah Jumain Abu Samah. Asal-usul Adat Perpatih dan Adat Temenggung: Suatu Analisis Tambo-Tambo Minangkabau berasaskan strukturalisme. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. Monograf, bil. 1.